



Tony (barisan belakang tujuh dari kiri) bergambar bersama pemenang pingat Olimpik Rio 2016 dari negara Asia Tenggara pada satu majlis gala di Bangkok, semalam.

AirAsia hargai wira Olimpik Asia Tenggara

BERITA HARIAN
9/9/2016 p.55

Kuala Lumpur: Pemenang pingat Sukan Olimpik Rio 2016 dari negara Asia Tenggara bakal ‘terbang’ ke lebih 120 destinasi menerusi pakej penerbangan percuma yang dihadiahkan AirAsia.

Hadiyah terbabit diumumkan penaraju perkhidmatan penerbangan tambang rendah terkemuka global itu dalam satu majlis gala yang berlangsung di Hotel JW Marriott, Bangkok, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tony Fernandes, Timbalan Menteri Pelancongan dan Sukan Thailand, Profesor Chavaneet Tongroach serta pegawai dan atlet dari setiap negara Asia Tenggara yang memenangi pingat pada temasya di Brazil itu.

Menerusi hadiah terbabit, pemenang pingat emas beroleh penerbangan percuma seumur hi-

dup sementara perak dan gangsa masing-masing menikmati penerbangan percuma untuk lima dan tiga tahun.

Bila-bila masa

Setiap pemenang menerima Kad AirAsia BIG berwarna emas, perak atau gangsa yang membolehkan mereka terbang ke lebih 120 destinasi dalam rangkaian AirAsia dan AirAsia X di Asia, Aus-

tralia, Timur Tengah dan juga Afrika.

Tony Fernandes melahirkan rasa bangganya untuk menganugerahkan penerbangan percuma terbaik kepada wira Asia Tenggara yang memberi inspirasi kepada rantaui ini menerusi pencapaian hebat dalam bidang sukan.

“Asia Tenggara sering dipandang rendah daripada segi sukan namun pencapaian mereka

membuktikan kita juga mampu menjadi yang terbaik dalam dunia dengan fokus, sokongan dan juga infrastruktur yang mencukupi.

“Pemenang akan menikmati penerbangan percuma ini pada bila-bila masa yang diingini tanpa syarat dan tanpa halangan. Saya mengharapkan mereka akan menikmati penerbangan bersama kami,” katanya.